

01 FEB 1999

Mahathir-Tol

KERAJAAN PERLU TAHU SAMA ADA PENGGUNA SANGGUP BAYAR TOL

SEPANG, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata penangguhan pembinaan jalan-jalan tol hanya akan ditimbang semula apabila rakyat sanggup membayar tol.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya tentang berapa lamakah penangguhan pembinaan jalan-jalan tol dan permintaan negeri Terengganu dan Johor supaya cadangan projek jalan tol di negeri-negeri berkenaan dilaksanakan.

Kerajaan memutuskan minggu lalu untuk menangguhkan pembinaan semua projek jalan tol berikutan bantahan orang ramai terhadap kadar tol yang dikenakan oleh pemegang-pemegang konsesi lebuh raya. Sejumlah 20 cadangan projek berkenaan terbabit dengan keputusan itu tetapi projek-projek yang sudah ditandatangani akan diteruskan.

"Kita perlu tahu sama ada pengguna sanggup bayar tol atau tidak kerana ini melibatkan perbelanjaan yang besar.

"Kita tidak hendak apabila saja kita siapkan jalan raya, ada protes tidak mahu bayar (tol) kerana ini adalah pelaburan dan tiada siapa yang ingin melabur kalau dia tidak dapat pulangan," katanya di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) setibanya dari menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa pembinaan jalan raya berkualiti terpaksa dilaksanakan oleh pihak swasta kerana kerajaan tiada peruntukan yang mencukupi.

Sekiranya pengguna masih belum sanggup membayar tol dan mahukan pembinaan jalan-jalan berkualiti dilaksanakan oleh kerajaan sendiri, rakyat harus menunggu lama sehingga kerajaan mempunyai peruntukan yang cukup untuk membinanya, katanya.

Ditanya mengenai desakan parti pembangkang supaya kerajaan menghapuskan kutipan tol dengan alasan pembinaan jalan raya dan lebuh raya adalah tanggungjawab kerajaan, beliau berkata jika permintaan itu dipenuhi, kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat yang membina dan ia melibatkan perbelanjaan berbilion ringgit.

"Dengan perbelanjaan sebegitu besar maka terpaksa kita tangguh bukan sahaja pembinaan jalan raya tetapi mungkin hendak bayar gaji kakitangan kerajaan pun tidak cukup," katanya.

Dr Mahathir bertanya: "Kenapa kita hendak beri percuma penggunaan jalan raya kepada orang yang mempunyai kereta yang sebenarnya adalah orang yang berada?"

Katanya masih terdapat banyak orang tidak mampu membeli kereta dan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.

"Sepatutnya tambang keretapi dan bas patut dihapuskan kerana ini melibatkan orang yang lebih miskin daripada pemilik kereta. Ini barulah adil...", katanya.

Dr Mahathir berkata jika tol dihapuskan dan kerajaan terpaksa bayar pampasan, rakyat yang tidak memiliki kenderaan sendiri mungkin menjadi mangsa, kerana kerajaan tidak akan membina jalan-jalan kampung dan sebagainya sebab tiada duit.

"Saya mintalah parti lawan ini yang bayar, mereka ada duit boleh bayar... gantilah," katanya.

Mengenai gesaan orang ramai yang meminta kerajaan menurunkan kadar cukai jalan sebagai gantian kepada bayaran tol, Dr Mahathir berkata: "Kita (kerajaan) boleh menurunkan kadar cukai jalan, cukai minyak, semua cukai

kita kurangkan."

Akibatnya..."Selepas itu kita kurangkan juga gaji pegawai dan kakitangan kerajaan dan segala rumah jangan kita bina dan kita tidak ada penyenggaraan kemudahan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

HS RON